



PROMOSI BELI NUTREN & TEBUS EWALLET

TERMA DAN SYARAT

A: Jadual untuk Syarat Penyertaan

Penganjur	Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H]
Promosi	PROMOSI BELI NUTREN & TEBUS E-DOMPET
Tempoh Promosi	Promosi bermula pada 00:00:00 pada 1 Mei 2023 dan tamat pada 23:59:59:00 pada 30 Jun 2023 .
Kelayakan	Promosi ini terbuka kepada semua individu penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi.
Kaedah Penyertaan	<p>a. Untuk menyertai Promosi, beli minimum 3 TIN untuk mana-mana rangkaian NUTREN 800g atau 850g yang mengambil bahagian [“Pembelian Minimum”] untuk mana-mana produk dalam satu resit asal dari kedai yang mengambil bahagian dan dalam talian seperti yang dinyatakan dalam Laman Web Promosi yang mengecualikan platform e-dagang seperti Lazada, Shopee dan mana-mana platform yang seumpamanya semasa Tempoh Promosi [“Resit”].</p> <p>i. Resit boleh dihantar dalam bentuk resit bercetak dari sistem titik jualan, resit tulisan tangan dan/atau e-resit bagi pembelian dalam talian. Walau bagaimanapun, Resit mestilah memaparkan nama dan/atau logo kedai di mana pembelian dibuat. Jika tiada, Resit hendaklah dicap dengan cap syarikat rasmi di kedai di mana pembelian dibuat. Peserta hanya dibenarkan menebus satu [1] e-Dompot walaupun jumlah pembelian melebihi Pembelian Minimum dalam satu Resit.</p> <p>ii. Resit juga mestilah memaparkan nombor Resit, nama dan kuantiti Produk yang dibeli, tarikh pembelian dan/atau sebarang butiran yang difikirkan perlu [“Butiran Resit”].</p> <p>iii. Produk NUTREN yang mengambil bahagian disenaraikan seperti di bawah [“Produk”]:</p> <ul style="list-style-type: none">- NUTREN OPTIMUM 800g- NUTREN OPTIMUM 2x800g Percuma 400g Bundle Box- NUTREN FIBRE 800g- NUTREN FIBRE 2 x 800g JIMAT RM6 Bundle Box- NUTREN Junior 850g- NUTREN Junior 2x 850g JIMAT RM12 Bundle Box- NUTREN JNR TP3(2x850g)PRThermosFoodJarMY- NUTREN JNR TP 3(2x850g+400g)PR400gPercumaMY- NUTREN UNTUK DIABETIK 800g- NUTREN UNTUK DIABETIK 800g Pek Berkembar Jimat RM10- NUTREN UNTUK DIABETIK 800g Pek Berkembar PERCUMA 400g <p>b. Cara penghantaran bagi Promosi adalah melalui https://www.dearnestle.com.my/nutren-buy3redeem30 [“Laman Web</p>

	<p>Promosi”] sahaja. Setiap nombor identifikasi unik HANYA layak untuk satu penghantaran penyertaan. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan dengan Resit cetakan semula dan/atau Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>c. Untuk menghantar penyertaan melalui Laman Web Promosi:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Layari Laman Web Promosi dan lengkapkan borang di laman web atau imbas kod QR yang dipaparkan pada material komunikasi di cawangan atau kedai dalam talian yang mengambil bahagian (tidak termasuk platform e-dagang seperti Lazada, Shopee dan mana-mana platform yang seumpamanya). ii. Lengkapkan semua butiran peribadi dan negeri pemastautin pada borang di laman web yang disediakan di Laman Web Promosi. iii. Ambil satu [1] gambar/imej Resit yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png [“Imej”] lengkap dengan Butiran Resit. iv. Satu [1] Imej mesti mengandungi satu [1] Resit sahaja dan fail Imej mestilah tidak melebihi 2MB. Sila rujuk kepada contoh Imej yang dipaparkan di Soalan Lazim Promosi di Laman Web Promosi. v. Muat naik Imej pada borang di laman web dan hantar [“Penyertaan”]. vi. Penganjur akan memberi maklum balas dengan mesej pengesahan secara automatik melalui Laman Web Promosi untuk setiap penyertaan yang diterima. <p>d. Setiap Resit HANYA layak untuk satu [1] penghantaran sahaja. Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Resit cetakan semula dan/atau Resit yang berulang dan/atau mengandungi lebih daripada satu [1] Resit.</p> <p>e. Penganjur akan memproses semua Penyertaan yang diterima bagi proses selanjutnya. Imej tidak jelas, Penyertaan yang tidak boleh dibaca atau tidak lengkap akan dibatalkan tanpa sebarang notis kepada Peserta bagi Penyertaannya telah dibatalkan.</p> <p>f. Penganjur berhak untuk meminta bukti Resit asal [salinan cetak] untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan Resit asal yang diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan Penyertaan.</p> <p>g. Penebusan adalah terhad kepada empat ribu [4,000] Penyertaan layak pertama yang diterima sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya keseluruhan empat ribu [4,000] Penebusan e-Dompot terkumpul telah ditebus sepenuhnya di atas budi bicara Penganjur, Penganjur akan mengemas kini status di Laman Web Promosi.</p>
<p>Tarikh Akhir Penyertaan:</p>	<p>Semua penyertaan mestilah sampai kepada Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 30 Jun 2023.</p>

<p>Butiran Penebusan</p>	<p>a. Penebusan adalah terhadap kepada empat ribu [4,000] Penyertaan layak pertama yang diterima sepanjang Tempoh Promosi. Sekiranya keseluruhan empat ribu [4,000] Penebusan e-Dompet terkumpul telah ditebus sepenuhnya, Penganjur akan mengemas kini status di Laman Web Promosi.</p> <p>b. Untuk setiap Penyertaan layak yang diterima, Peserta hanya boleh menebus satu [1] e-Dompet walaupun jumlah pembelian melebihi Pembelian Minimum dalam satu Resit.</p> <p>Contoh: Jika Peserta A membeli 3 tin Produk dalam satu Receipt semasa Tempoh Promosi, dia layak untuk menebus satu [1] e-Dompet sahaja. Jika Peserta B membeli 5 tin Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Promosi, dia juga layak untuk menebus satu [1] e-Dompet sahaja dan lebih pembelian tidak akan dikira.</p> <p>c. Setiap Peserta [melalui nombor identifikasi unik berdasarkan penyertaan] hanya dibenarkan menebus maksimum satu [1] e-Dompet sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>d. Peserta yang bermastautin di Semenanjung Malaysia: Penyedia perkhidmatan bagi pihak Penganjur akan menghantar kod bagi PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Dompet bagi Peserta yang layak melalui Nombor WhatsApp Rasmi Promosi di +6016-673 6390 kepada semua nombor mudah alih Peserta yang telah disahkan dan berjaya dalam tempoh lima belas [15] hari bekerja daripada penghantaran Penyertaan.</p> <p>e. Peserta yang bermastautin di Sabah/Sarawak: Penyedia perkhidmatan bagi pihak Penganjur akan menghantar kod bagi Kod Penebusan Kredit Boost kepada Peserta melalui Nombor WhatsApp Rasmi Promosi di +6016-673 6390 kepada semua nombor mudah alih Peserta yang telah disahkan dan berjaya dalam tempoh lima belas [15] hari bekerja daripada penghantaran Penyertaan.</p> <p>f. Semua e-Dompet yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan di dalam mesej WhatsApp akan ditamatkan. Penganjur berhak menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah yang sama nilainya ataupun lebih.</p> <p>g. Semua Peserta mestilah mematuhi terma dan syarat dari pembekal dan pihak yang mengurus dan menyediakan kredit e-Dompet. Berikut adalah terma dan syarat oleh pembekal:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Dompet adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd) ; https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tno.pdf - Penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; https://www.myboost.com.my/terms/
---------------------------------	---

	<p>h. Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya e-Dompet tidak boleh dihantar atau diberikan kepada Peserta atas sebarang perubahan, kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor telefon mudah alih yang dihantar kepada Penganjur semasa penghantaran Penyertaan Promosi.</p> <p>i. Penganjur berhak mengikut budi bicaranya untuk melanjutkan tempoh penghantaran e-Dompet yang difikirkan perlu oleh Penganjur. Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya timbul kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran e-Dompet kepada Peserta. Semua e-Dompet yang tidak dituntut selepas 30 September 2023 akan ditamatkan.</p>
Hadiah	<p>Penebusan e-Wallets dibahagikan kepada dua [2] kategori seperti di bawah:</p> <p>a. Peserta yang bermastautin di Peninsular Malaysia: Satu [1] PIN Tambah Nilai Touch 'n Go e-Dompet bernilai RM30 .</p> <p>b. Peserta yang bermastautin di Sabah/Sarawak: Satu [1] Kod Penebusan Kredit Boost bernilai RM30 .</p>
Tarikh Tuntutan Hadiah	Sehingga 30 September 2023 atau sebarang lanjutan tempoh yang difikirkan perlu oleh Penganjur.

*Jadual Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat-syarat Penyertaan**, secara kolektif dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”, dan akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, sekiranya peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).*

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.

1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).

- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Dan sebarang surat-menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Promosi

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi kami, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Perlucutan Kelayakan

- 4.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
 - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
 - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 4.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

4.3 Sekiranya pelucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

5. Hadiah

5.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

5.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

5.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

5.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) Tiket Acara:

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) Hadiah Pelancongan/Percutian:

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

5.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

5.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

5.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

6. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

7. Hak Milik Harta Intelekt

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

8. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

9. Had Liabiliti

9.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

9.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

10. Am

10.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

- 10.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 10.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 10.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 10.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 10.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

11. Notis Privasi

- 11.1 Dengan menyertai [Kempen/Peraduan], Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di www.nestle.com.my/info/privacy_policy.